

### **5. KEMUNCULAN PENIPU YANG MENDAKWA KENABIAN**

Dari Abi Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda : (( Tidak akan berlaku kiamat sehingga diutuskan pendusta-pendusta yang menipu seramai hampir tiga puluh orang, setiap dari mereka mendakwa bahawa sesungguhnya dia adalah utusan Allah)) (Riwayat al-Bukhari)

Dari Thaubaan r.a berkata: “Bersabda Rasulullah s.a.w : ((Tidak akan berlaku kiamat sehingga bertemu beberapa qabilah dari ummatku dengan musyrikin, dan sehingga mereka (dari ummatku) menyembah berhala. Dan sesungguhnya akan ada dalam ummatku tiga puluh pendusta, setiap dari mereka mendakwa bahawa dia itu nabi. Akulah penutup segala nabi, tiada seorang pun nabi sesudahku)) (Riwayat at-Tirmizi dan Abi Daud)

#### **Beberapa Nabi Palsu Yang Masyhur**

<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tholaihah bin Khuwailid</li> <li>2. Musailamah al-Kazzab</li> <li>3. al-Aswad al-‘Anasi</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. al-Mukhtar bin Abi Ubaid ath-Thaqafi</li> <li>2. al-Harith al-Kazzab</li> <li>3. Mirza Ghulam Ahmad al-Qadiyani</li> </ol>
--	--

### **6. APABILA HAMBA PEREMPUAN MELAHIRKAN TUANNYA DAN ORANG YANG BERTELANJANG, BERKAKI AYAM, PENGEMBALA KAMBING BERLUMBA-LUMBA DALAM MEMBINA BANGUNAN YANG TINGGI.**

Dalam hadith Jibril a.s yang masyhur apabila Rasulullah s.a.w ditanya tentang tanda-tanda kiamat, baginda menjawab : (( Seorang hamba perempuan melahirkan tuannya dan orang yang bertelanjang, berkaki ayam, penggembala kambing berlumba-lumba dalam membina bangunan yang tinggi ). (Riwayat Muslim)

Terdapat beberapa pendapat dalam menafsirkan tentang seorang hamba perempuan yang melahirkan tuannya, namun yang dipilih oleh al-Hafiz Ibnu Hajar dalam masalah ini ialah apabila berlakunya banyak penderhakaan seorang anak kepada ibunya. Seorang anak yang derhaka akan memperlakukan ibunya seperti dia itu tuan dan ibunya itu hamba.

Adapun yang dimaksudkan dengan orang yang bertelanjang, berkaki ayam, penggembala kambing berlumba-lumba dalam membina bangunan yang tinggi ialah golongan yang sebenarnya miskin tetapi berlumba-lumba membina bangunan yang tinggi dan indah.

Ibnu Rajab mengatakan : “Yang dimaksudkan tentang tanda-tanda kiamat dalam hadith ini ialah apabila sesuatu perkara diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya ( tidak mempunyai kelayakan ) sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w apabila ditanya oleh seorang lelaki tentang tanda-tanda kiamat.

### **7. DIANGKAT ILMU DAN TERSEBARNYA KEJAHILAN**

Dari Abdullah bin Mas’ud r.a berkata : Rasulullah s.a.w bersabda : ((Sesungguhnya di hadapan kiamat ada beberapa hari yang diturunkan padanya kejahilan, diangkat padanya ilmu dan berlaku banyaknya al-Haraj iaitu pembunuhan.

Dari Anas bin Malik r.a. berkata : Rasulullah s.a.w bersabda : (( Sesungguhnya daripada tanda-tanda kiamat; akan diangkat ilmu, dikekalkan kejahilan, diminum arak dan merebaknya zina)) (Riwayat al-Bukhari )